

# Academy of Language Studies

## UiTM Cawangan Pulau Pinang

SEPTEMBER 2023

# *e-Lingua*

3/2023



AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh



# BOLA JARING

## @ MAKSAK 2023

Pada 15 Julai 2023, pertandingan bola jaring anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan (MAKSAK) peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan di Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban, Pulau Pinang. Penganjuran pertandingan ini adalah bertujuan untuk memilih pemain bola jaring mewakili MAKSAK Negeri Pulau Pinang. Pasukan bola jaring UiTM CPP tidak meletakkan apa-apa harapan yang tinggi memandangkan ini adalah julung kali penyertaan. Cukup sekadar ingin menimba pengalaman di samping menajamkan kemahiran yang ada. 11 pasukan dari pelbagai badan kerajaan bertanding, antaranya Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia (USM), Penang Development Corporation (PDC) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SUK). Pasukan bola jaring UiTM CPP berada di kumpulan A bersama 5 lagi pasukan.

Berikut keputusan bagi peringkat kumpulan:

UiTM VS Hamilton 22-0

UiTM VS Kastam 13-9

UiTM VS PDC 6-15

UiTM VS Moero Attack 17-2

UiTM VS USM 7-7



Pasukan UiTM CPP memenangi tiga dari lima perlawanan, kalah dengan perbezaan jaringan yang banyak dengan PDC, namun seri 7-7 dengan USM telah menempatkan pasukan sebagai naib johan kumpulan dengan kelebihan jumlah jaringan. Di atas tiket itu, pasukan bola jaring UiTM telah bertemu pasukan SUK di peringkat separuh akhir. Perlawanan kalah mati berdurasi 7-1-7 itu adalah amat sengit. Walaupun, pasukan SUK yang terdiri dari pemain-pemain yang berpengalaman telah memberi saingan yang kuat kepada pasukan UiTM, UiTM telah memenangi dengan mata 7-6 dan melayakkan diri ke peringkat akhir.

Pada peringkat akhir, pasukan UiTM kembali menentang PDC. Pasukan PDC dilihat mempunyai kelebihan pemain-pemain muda. Namun berbekalkan semangat, pasukan UiTM CPP tetap memberikan saingan sengit. Akhirnya setelah berhempas-pulas, UiTM CPP terpaksa akur dengan kepantasan dan stamina yang tinggi PDC. Pasukan UiTM CPP berjaya menduduki tempat sebagai naib juara dengan membawa pulang pingat dan juga hadiah wang tunai RM300.

Pasukan UiTM mungkin tewas di peringkat akhir, tetapi kejayaan menempatkan diri sehingga ke peringkat itu adalah amat membanggakan. Jelas umur bukan ukuran; di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Kini kerjasama di antara pemain semakin mantap, dan kemahiran bermain semakin kemas dan yang lebih penting berjaya menunjukkan prestasi yang lebih baik dari yang sebelum ini. Ternyata, pasukan bola jaring UiTM CPP telah berjaya mengutip pengalaman berharga semasa kejohanan ini.

